

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JUNE 2016

RM7.34b laksana 152 program PKS: PM

BH - 24/6/2016

➔ Kerajaan komited pastikan kelancaran pelaksanaan Program Berimpak Tinggi

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan bahawa kerajaan komited dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), termasuk menerusi peruntukan RM7.34 bilion bagi pelaksanaan sebanyak 152 program pembangunan PKS tahun ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan juga komited untuk memastikan kelancaran pelaksanaan Program Berimpak Tinggi di bawah Pelan Induk PKS 2012-2020.

Ini, tegasnya, adalah antara usaha kerajaan bagi memastikan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS yang diunjurkan sebanyak lima hingga 5.5

peratus pada tahun ini.

"Selain itu, pihak swasta pula menyediakan pelbagai saluran pembiayaan baharu seperti Pengumpulan Dana Masyarakat Berasaskan Ekuiti (ECF) dan Platform Akaun Pelaburan (IAP) yang menjadi pembiayaan alternatif untuk PKS," katanya melancarkan Portal MalaysiaBiz di sini, semalam.

Portal yang menyediakan maklumat pendaftaran dan lesen/permit perniagaan diperlukan PKS merentasi semua aktiviti ekonomi di Semenanjung Malaysia, juga bertujuan meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan di bawah Pelan Induk PKS.

Najib sebelum itu mpengeurusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-20, yang turut dihadiri Menteri Per-

dagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafsa Hashim.

PKS masih berdaya tahan

Perdana Menteri juga berkongsi hasil kaji selidik suku pertama 2016 SME Corp Malaysia yang menunjukkan perniagaan PKS masih berdaya tahan dan pertumbuhannya disokong permintaan penggunaan swasta dan aktiviti pelancongan.

Beliau berkata, kadar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) oleh PKS turut meningkat sekitar 90 peratus berbanding 27 peratus pada tahun 2010.

Najib turut mengetengahkan dua pendekatan iaitu meningkatkan tahap produktiviti buruh ne-

gara dan inklusiviti bagi melonjakkan kedudukan PKS secara khusus dan negara secara amnya.

"Pertama, bagi meningkatkan tahap produktiviti dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu 3.7 peratus, PKS perlu lebih berinovasi dalam perniagaan mereka," katanya.

Sebagai contoh, katanya, sesebuah PKS yang memiliki kilang pengeluaran perlu memberi tumpuan kepada penggunaan mesin yang lebih cekap, tenaga buruh yang berkemahiran serta penggunaan ICT dalam perniagaan.

Aspek kedua pula merujuk kepada dasar inklusiviti kerajaan yang memberi limpahan aktiviti ekonomi kepada golongan sasaran lain seperti B40 (isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah).

BERNAMA